

08 OCT 2002

GOH-AIR

S'PURA BUKAN MENOLAK SEMAKAN SEMULA HARGA AIR MENTAH DARI M'SIA, KATA
GOH

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Singapura bukannya menolak semakan semula harga air mentah yang dibeli dari Malaysia pada tiga sen bagi 1,000 gelen air, kata Perdana Menteri Goh Chok Tong, hari ini.

Bagaimanapun, katanya, sepatutnya mestilah ada asas berkaitan apakah sepatutnya harga baru itu.

Goh berkata ini adalah perkara yang akan dibincangkan oleh pegawai-pegawai kedua-dua kerajaan pada 16 hingga 17 Okt ini apabila mereka bertemu di Kuala Lumpur sebelum mendapatkan harga yang boleh diterima oleh kedua-dua pihak.

Menteri luar dan pegawai-pegawai kanan Malaysia dan Singapura akan bertemu pada pertengahan bulan ini bagi pusingan ketiga rundingan dua hala mereka untuk menumpukan kepada satu isu utama -- air.

Mesyuarat kedua menteri-menteri antara kedua-dua negara diadakan di Singapura bulan lalu. Mesyuarat pertama diadakan di Kuala Lumpur.

Bercakap di sesi dialog dengan anggota media yang menghadiri Sidang Kemuncak Asia Timur yang dianjurkan oleh Forum Ekonomi Dunia, di sini, Goh berkata beliau akan menggesa pegawai-pegawainya merapatkan jurang mengenai persoalan harga air yang dibeli Singapura dari Malaysia ketika ini dan apakah harga yang akan dibelinya di masa depan.

Beliau berkata Malaysia dan Singapura telah menandatangani dua perjanjian pada 1961 dan 1962 yang akan dikaji semula.

Malaysia membayar Singapura 50 sen bagi 1,000 gelen air untuk membeli balik air rawatan dari Republik itu.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pembayaran tiga sen bagi 1,000 gelen air itu terkandung dalam perjanjian yang disusun oleh British pada 1927 ketika Singapura berada di bawah jajahan British dan Johor, negeri naungan British.

Goh menyatakan Malaysia tidak pernah menyemak harga air sebelum ini dan kini ia mahu mengkajinya semula.

Beliau berkata pendirian Singapura adalah mereka perlu melihat kepada perjanjian itu dan memutuskan bagaimana ia boleh disemak semula.

Goh menyifatkan hubungan Singapura dengan Malaysia sebagai " baik dan mesra. "

Bagaimanapun, beliau mengakui terdapat sedikit pertikaian antara kedua-dua negara tetapi ianya tidak dapat dielakkan antara dua negara jiran berdekatan itu.

"Ketika ini kami sedang membincangkan bagaimana untuk menyelesaikan perbezaan dalam beberapa isu dengan Malaysia," katanya. -- BERNAMA

SHY MKO SD ZK